

17 AUG 2000

Merdeka

PERAYAAN BULAN KEMERDEKAAN BERMULA

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Perayaan Bulan Kemerdekaan selama sebulan bermula hari ini dalam suasana ceria dengan bendera negara, Jalur Gemilang, berkibar megah di setiap pelusuk negara.

Majlis pelancaran Perayaan Bulan Kemerdekaan yang bertemakan "Keranam Malaysia" dan kempen mengibarkan Jalur Gemilang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka petang ini.

Beribu-ribu penduduk tempatan dan pelancong asing menyertai sambutan itu.

Lagu patriotik berjudul "Keranam Malaysia" dan "Jalur Gemilang" diperdengarkan kepada umum buat pertama kalinya pada majlis itu.

Tinjauan Bernama di sekitar ibu negara mendapati kebanyakan bangunan bukan sahaja mengibarkan Jalur Gemilang malahan dipasang dengan logo perayaan serta lampu hiasan berwarna warni.

Bangunan awam dan swasta serta premis perniagaan dan hotel dihiasi indah dengan lampu berwarna-warni yang disusun secara kreatif dan dinyalakan pada waktu malam bagi memeriahkan suasana perayaan.

Langkah Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang memberikan potongan 50 peratus kepada bangunan komersil pada sepanjang perayaan jelas memberi kesan positif kepada peningkatan kemeriahan suasana malam di ibu negara.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula mengambil langkah positif dengan menyediakan bendera kebangsaan yang boleh dibeli oleh orang ramai di kaunter bayaran di Jalan Raja Laut atau di pejabat cawangan pada harga RM10 dan RM13 mengikut saiz yang dikehendaki.

Pada malam ini, DBKL akan menganjurkan Konsert Irama Malaysia di auditoriumnya dengan menampilkan artis seperti Herman Tino, Mariam Ahmad, Orkid Abdullah dan V.Sarangavani. Masuk adalah percuma.

Memandangkan Bulan Kemerdekaan dijalankan serentak di seluruh negara, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pusat perayaan, meminta orang ramai supaya mengibarkan Jalur Gemilang di rumah atau kereta masing-masing.

Abdul Kadir akan merasmikan kempen pemasangan bendera pada teksi dan kereta sewa di Istana Budaya di sini pagi esok.

Berbagai-bagai acara disusun oleh pelbagai pihak sempena perayaan itu termasuk majlis tahlil dan doa selamat di semua masjid di seluruh negara, kempen pemasangan bendera pada kereta, pidato Piala Diraja, sayembara puisi, pertandingan menulis esei kemerdekaan dan larian bendera.

Program yang diatur itu antara lain bertujuan meningkatkan kefahaman umum mengenai kemerdekaan dan pentingnya mengekalkan kemerdekaan yang dikecapi selama ini.

Sambutan Hari Kebangsaan akan berlangsung di Shah Alam pada 31 Ogos.

Di IPOH, Raja Muda Perak melancarkan sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Mengibarkan Bendera peringkat negeri di Dataran Ipoh dengan disaksikan lebih 2,500 orang.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali, para anggota Exco kerajaan negeri serta pegawai dan kakitangan kerajaan.

Pada majlis itu tiga lagu patriotik dinyanyikan oleh koir Majlis Bandaraya Ipoh.

Tajol Rosli dalam ucapannya meminta semua kaum di negeri ini mengibarkan bendera sepanjang kempen itu yang bermula hari ini sehingga 16 Sept.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata adalah menjadi kewajipan seluruh rakyat negara ini untuk memeriahkan sambutan menyambut Bulan Kemerdekaan.

"Kerajaan negeri akan memberi kerjasama penuh dan berharap pengisian

kemerdekaan ini turut dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran perayaan Bulan Kemerdekaan di Stadium Sultan Mohamed Ke-IV.

Katanya setiap individu perlu memahami erti sebenar kemerdekaan agar tidak lari daripada tuntutan Islam.

Dalam ucapannya Nik Abdul Aziz berkata rakyat negara ini harus mengenang jasa pahlawan negara yang telah berkorban semata-mata untuk menegakkan kemerdekaan.

"Erti kemerdekaan tidak akan bermakna sekiranya rakyat negara ini masih mengagungkan penjajah dan mengambil budaya mereka sehingga meninggalkan budaya kita sendiri," katanya.

-- BERNAMA

ZI AKD